AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



*Harga pembelian, penggunaan vaksin COVID-19*

# PAC puas hati

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpuas hati dengan penjelasan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan berhubung isu harga dan penggunaan vaksin COVID-19. PAC semalam diberikan taklimat kira-kira tiga jam oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 mengenai perolehan vaksin dan penggunaannya terhadap rakyat.

*Muka 2*

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : MUKA DUA

# 'Dedah pembelian secara terperinci'

**Kuala Lumpur:** Harga vaksin Pfizer-BioNtech dan AstraZeneca didedahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam prosiding hampir tiga jam di Parlimen, semalam.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata beliau dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) memaklumkan perkara itu dalam prosiding rasmi PAC mengenai perolehan vaksin dan penggunaannya terhadap rakyat.

"Disebabkan tidak dapat mengumumkan harga secara teliti bagi setiap pembelian walaupun kita sudah umum harga keseluruhannya, tetapi saya membuat keputusan dalam prosiding PAC, saya sudah mendedahkan harga pembelian kita secara terperinci.

"Saya juga mendedahkan dokumen kontrak antara syarikat Pfizer dan AstraZeneca bersama Kerajaan Malaysia kepada PAC tadi (semalam)," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Khairy berkata, harga bagi Pfizer adalah termasuk penghantarannya ke pelbagai kawasan untuk vaksinisasi, manakala bagi AstraZeneca tidak termasuk harga penghantaran.

Beliau berkata, walaupun tidak dipanggil PAC, pihaknya mahu memastikan prinsip ketelusan dipenuhi dan sejauh mana maklumat boleh didedahkan dalam perjanjian antara kerajaan dan syarikat pembekal vaksin.

"Prosiding rasmi akan dilaporkan melalui laporan rasmi. Saya percaya, Pengerusi PAC, Wong Kah Woh akan memaklumkan kepada media apabila laporan itu siap kelak," katanya.

Ditanya sama ada keterangan diberikan kepada PAC itu melanggar syarat atau perjanjian kerahsiaan (NDA) dengan syarikat pembekal, Khairy berkata, PAC adalah sebahagian daripada kerajaan dan pihaknya menganggap maklumat itu dikongsi dengan pegawai awam.

Sementara itu, Khairy berkata, kerajaan mengenal pasti 55 lokasi di kawasan bandar untuk penyimpanan vaksin Pfizer-BioNTech dan 55 penyejuk beku suhu rendah dibeli bagi menyimpan vaksin berkenaan yang memerlukan suhu sejuk melampau.

"Pfizer akan disimpan di kawasan bandar kerana ia perlu disimpan dalam suhu sejuk melampau, manakala AstroZeneca bagi kawasan luar bandar kerana ia boleh menggunakan penyejuk beku biasa.

"Kita sudah meluluskan pembelian penyejuk beku suhu rendah, peti sejuk dan bekalan perubatan berkaitan bagi rangkaian sejuk dan sejuk melampau berharga RM16.6 juta," katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) akan membincangkan sama ada pekerja asing dan ekspatriat diberikan pemvaksinan percuma untuk mengekang penularan COVID-19 dengan berkesan.




*Khairy Jamaluddin ketika sidang media mengenai perkembangan perolehan Vaksin COVID-19 di bangunan Parlimen, semalam.* (Foto BERNAMA)

# PAC puas hati penjelasan isu harga vaksin COVID-19

## Taklimat selari hasrat PAC pastikan perbelanjaan kerajaan telus

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpuas hati dengan penjelasan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan berhubung isu harga dan penggunaan vaksin COVID-19 di Parlimen, semalam.

Pengerusinya, Wong Kah Woh, berkata taklimat berkenaan selari dengan hasrat PAC dalam memastikan perbelanjaan kerajaan benar-benar telus demi manfaat rakyat secara keseluruhannya.

Beliau berkata, PAC bagaimanapun tidak sesekali berkompromi dengan prinsip ketelusan dalam menjalankan peranannya dan pada masa sama, menjaga kepentingan negara serta menghormati perjanjian sudah dimeterai.

"Prosiding ini selari dengan hasrat PAC dalam memastikan perbelanjaan kerajaan benar-benar telus demi manfaat rakyat secara keseluruhannya.

"Pada masa sama, PAC juga mengambil maklum mengenai terdapatnya perjanjian kerahsiaan (NDA) antara kerajaan dengan syarikat pengeluar vaksin COVID-19," katanya dalam kenyataan, semalam.



> ***Prosiding ini selari dengan hasrat PAC dalam memastikan perbelanjaan kerajaan benar-benar telus demi manfaat rakyat secara keseluruhannya.***
>
> *Wong Kah Woh, Pengerusi PAC*

Terdahulu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin serta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) memberi taklimat kira-kira tiga jam kepada PAC mengenai perolehan vaksin dan penggunaannya terhadap rakyat.

Mengulas prosiding khas itu, Kah Wong berkata, secara amnya, NDA tidak sewajarnya mengekang tugas dan peranan PAC.

"Bagaimanapun, dalam perkara ini, PAC akan mengimbangi antara peranan PAC dalam melaksanakan penelitian legislatif dengan peruntukan NDA dalam perjanjian komersial sedia ada untuk memastikan tidak berlaku sebarang pelanggaran perjanjian," katanya.

Beliau juga memaklumkan, PAC Parlimen akan mengadakan mesyuarat khas bersama MOSTI dan KKM sebelum laporan PAC dibentangkan di Dewan Rakyat dalam memastikan segala syarat perjanjian berkenaan dipatuhi.

"PAC komited membantu memberikan keyakinan kepada rakyat dalam mendapatkan vaksinasi COVID-19 supaya penularan wabak ini dapat dihentikan," katanya.

Sebelum ini, Khairy menyatakan kesediaannya memberi taklimat terperinci mengenai harga vaksin COVID-19 kepada PAC, susulan tindakan beberapa pihak mempersoalkan harga sebenar vaksin berkenaan yang dibeli Malaysia.

Khairy berkata, rundingan mengenai harga dibayar Malaysia kepada setiap syarikat pengeluar vaksin tertakluk kepada kerahsiaan yang dipersetujui bersama dengan pihak terbabit.

Susulan itu, Kah Woh berkata, perjanjian kerahsiaan perolehan vaksin yang diamalkan ketika ini disifatkan tidak selari dengan matlamat ketelusan.

Katanya, semua prosiding akan diikuti dengan laporan akan disampaikan PAC ke Dewan Rakyat.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : NASIONAL**



*Dr Mohd Fikri Ujang*

## JKN Kedah nafi individu positif di Langkawi

**Alor Setar:** Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah menafikan terdapat kes individu yang positif COVID-19 di Langkawi ketika ini.

Pengarahnya, Dr Mohd Fikri Ujang, berkata pihaknya juga tidak membuat saringan ujian COVID-19 secara bersasar kepada pengunjung di pulau peranginan itu.

"Tiada kes positif di Langkawi buat masa ini. JKN Kedah tidak membuat ujian saringan bersasar kepada pengunjung Langkawi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai pelakon dan personaliti media sosial, Harris Annuar yang disahkan positif COVID-19 selepas menjalani ujian saringan yang dikendalikan sebuah klinik swasta di Bangi, Selangor, kelmarin.

Harris dilaporkan positif virus itu selepas beberapa hari pulang bercuti di Langkawi.

Dr Mohd Fikri berkata, siasatan akan dilakukan oleh pihaknya bagi mendapat maklumat lanjut mengenainya.

"Siasatan awal akan dibuat JKN Kedah bagi memastikan di mana ujian (membabitkan Harris) itu dijalankan.

"Kita akan membuat tindakan lanjut sekiranya ada bukti kaitan hasil dari siasatan berkenaan," katanya.

*Penularan COVID-19*

# 11 kluster baharu di 7 negeri

## 242 kluster aktif di negara kita setakat ini

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my



> *Jumlah kluster yang tamat pula adalah sebanyak 306 kluster. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak 242 kluster. Daripada jumlah itu, sebanyak 53 kluster melaporkan pertambahan kes pada hari ini (semalam).*
>
> ***Dr Noor Hisham Abdullah,***
> *Ketua Pengarah Kesihatan*

**Putrajaya:** Bilangan kluster jangkitan COVID-19 aktif di negara ini terus meningkat apabila sebanyak 11 kluster baharu dikesan di Selangor, Johor, Pahang, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur dan Terengganu, setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dengan peningkatan itu, jumlah kluster aktif di Malaysia setakat ini ialah sebanyak 242 kluster.

"Kementerian Kesihatan (KKM) ingin memaklumkan 11 kluster baharu yang dikenal pasti pada hari ini (semalam) ialah Kluster Jalan Playar, Kluster Sri Suria, Kluster Tapak Bina Bukit Semenyih, Kluster Bukit Angkat, Parit Jamil, Kluster Tombovo, Kluster Tapak Bina Jalan Desa, Kluster Jalan Raja, Kluster Langit Selatan, Kluster Bah Sayap dan Kluster Mengkuang.

"Jumlah kluster yang tamat pula adalah sebanyak 306 kluster. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak 242 kluster.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 53 kluster melaporkan pertambahan kes pada hari ini (semalam).

"Kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Jalan Perindustrian dengan 200 kes, manakala Kluster Tapak Bina Jalan Desa sebanyak 116 kes dan Kluster Beringin dengan 65 kes," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes Kluster Jalan Playar di Petaling, Selangor dilaporkan positif COVID-19 bermula 11 Disember lalu melalui saringan bersasar di sebuah kilang dan sehingga kini, seramai 68 daripada 180 individu disaring dikesan positif COVID-19.

Katanya, satu kluster tempat kerja yang juga dikesan di Petaling, Kluster Sri Suria, membabitkan 16 kes dilaporkan positif COVID-19 bermula semalam melalui saringan bersasar di sebuah kilang.

"Kluster Tapak Bina Bukit Semenyih, kluster tempat kerja membabitkan daerah Hulu Langat di Selangor dan kes kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula 3 Januari lalu melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan. Sehingga hari ini (semalam) sejumlah 371 individu disaring dengan 17 kes dikesan positif COVID-19.

"Satu kluster tempat kerja, Kluster Bukit Angkat, pula dikesan di daerah Hulu Langat di Selangor dan kes bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula 1 Januari lalu melalui saringan bersasar di sebuah syarikat dan sejumlah 25 daripada 83 individu dikesan positif," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Parit Jamil iaitu kluster tempat kerja di Muar, Johor dikesan melalui kes indeks dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Disember lalu hasil saringan individu bergejala, manakala KKM mengesan 62 kes positif daripada sejumlah 612 individu yang disaring dalam kluster itu.

"Satu kluster jangkitan dikesan di Putatan, Sabah dan kes indeks dalam Kluster Tombovo itu dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Januari lalu hasil saringan individu bergejala, manakala 18 individu dikesan positif dalam kluster ini," katanya.

Beliau berkata, Kluster Tapak Bina Jalanyang dikesan di daerah Lembah Pantai di Kuala Lumpur membabitkan kes positif yang direkodkan bermula semalam melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan dan 116 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

Katanya, Kluster Jalan Raja di kesan di Lembah Pantai, Cheras, Titiwangsa dan Kepong di Kuala Lumpur selepas saringan bersasar dijalankan di sebuah pusat beli-belah bermula 19 Disember lalu.

"Setakat ini, 25 daripada 125 individu disaring dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

"Kluster Langit Selatan pula membabitkan daerah Kuantan di Pahang dikesan melalui kes indeks dilaporkan positif COVID-19 pada 31 Disember lalu, hasil saringan individu bergejala. Sehingga hari ini (semalam), 43 individu sudah disaring dan sembilan kes dikesan positif," katanya.

Beliau berkata, KKM turut mengesan Kluster Bah Sayap membabitkan daerah Miri di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 31 Disember lalu hasil saringan individu bergejala dan sehingga semalam, lima kes positif daripada 48 individu disaring.

"Kluster Mengkuang di Marang dan Kuala Nerus, Terengganu dikesan melalui kes indeks dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Januari hasil saringan individu bergejala dan sehingga hari ini (semalam), 150 individu sudah disaring dan 10 kes dikesan positif," katanya.

# Selangor terus catat kes harian tertinggi

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) semalam mencatatkan 2,027 kes positif COVID-19 baharu, menjadikan jumlah kes keseluruhan di Malaysia sebanyak 122,845 kes dan kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah 22,887 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah kes baharu itu, KKM mengesan 16 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan COVID-19 dalam negara pula sebanyak 2,011 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 509 kes (25.1 peratus) dan daripada jumlah itu, sebanyak 338 kes (66.4 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Johor sebanyak 428 kes (21.1 peratus) dan Sabah sebanyak 383 kes (18.9 peratus).

"Sebanyak 111 kes (5.5 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di lokap, depoh tahanan imigresen dan penjara membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan sebanyak 64 kes, diikuti Kluster Tembok Gajah dengan 43 kes, Kluster Tembok Choh dengan dua kes serta Kluster Penjara Kepayan sebanyak dua kes," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, lapan kes kematian membabitkan COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 509 kes atau 0.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, kematian itu direkodkan di Sabah (lima), Selangor (dua) dan satu di Perak.

Katanya, kes kematian ke-502 membabitkan seorang lelaki tempatan berusia 74 tahun yang dilaporkan meninggal dunia di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak.

"Lima kematian yang direkodkan di Sabah membabitkan empat lelaki dan seorang wanita tempatan berusia antara 54 hingga 78 tahun iaitu tiga meninggal dunia di Hospital Lahad Datu dan masing-masing satu kes di Hospital Duchess of Kent, Sandakan serta Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Dr Noor Hisham berkata, empat daripada mereka mempunyai latar belakang penyakit kronik, manakala seorang lagi tiada rekod penyakit.

"Dua kematian di Selangor direkodkan iaitu di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang membabitkan seorang wanita tempatan berusia 63 dan wanita warga asing berusia 52 yang jenazah mereka dibawa ke hospital berkenaan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL




***KKM sedang mengkaji** dan membuat penilaian risiko perkara berkaitan rentas negeri.* (Foto hiasan)

*Penularan COVID-19*

# Kerajaan tak cadang sekat semula rentas negeri

## Rakyat diingat sentiasa patuh SOP elak jangkitan

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan belum memutuskan untuk menyekat kembali pergerakan rentas daerah dan negeri susulan peningkatan kes dan kluster baharu COVID-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ketika ini Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mengkaji dan membuat penilaian risiko perkara berkaitan rentas negeri yang dibuka semula pada 7 Disember lalu sama ada menjadi punca peningkatan kes.

"Walaupun rentas negeri dan daerah masih dibenarkan, kerajaan sentiasa mengingatkan rakyat agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang COVID-19.

"Rakyat juga boleh secara sukarela menjalani ujian calitan sekiranya mereka mahu keluar dari zon merah untuk memastikan bebas Covid-19. Begitu juga mereka yang mahu pulang ke zon hijau boleh menjalani ujian calitan sebelum pulang," katanya pada sidang media, semalam.

Sejak beberapa minggu lalu, kes positif COVID-19 masih merekodkan empat angka. Malah, jumlah kes aktif di Malaysia sudah menghampiri kapasiti di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital yang diwartakan untuk merawat pesakit itu.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, ketika ini kes aktif mencecah 22,089, manakala kapasiti untuk rawatan pesakit adalah 23,000.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Kabinet belum membincangkan untuk mengadakan sidang khas Parlimen susulan peningkatan kes COVID-19. Perkara itu juga belum dikemukakan dalam Mesyuarat Kabinet oleh menteri berkaitan.

"Walaupun tiada sidang khas Parlimen, saya percaya strategi kesihatan KKM dan bukan kesihatan akan tetap dilaksanakan untuk mengekang COVID-19," katanya.

# Tumpu rawat individu sakit

**Putrajaya:** Tumpuan rawatan kemudahan kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM) perlu diberikan terhadap mereka yang sakit bagi memastikan sistem rawatan di negara ini kekal berfungsi.

Pakar Epidemiologi di Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata bagi tujuan itu individu yang tidak mempunyai gejala boleh membuat pemantauan kendiri di rumah.

Ini kerana, katanya, dengan bilangan kes positif aktif COVID-19 sudah mencecah 22,000 ketika ini, kakitangan hospital perlu menumpukan usaha kepada individu yang sakit serta memerlukan rawatan.

Justeru, beliau berkata, cadangan KKM untuk mempertimbang membenarkan pesakit COVID-19 tahap satu dan dua menjalani kuarantin dan rawatan di rumah adalah wajar bagi mengelakkan sistem perkhidmatan kesihatan lumpuh.

"Kita hadapi dua isu di sini iaitu yang pertama kes harian ketika ini meningkat empat angka menjurus kepada peningkatan mendadak sehingga menyebabkan kapasiti rawatan dan pengurusan pesakit COVID-19 hampir mencapai tahap maksimum.

"Kedua, tahap kepatuhan prosedur operasi standard (SOP) masyarakat merudum, sekali gus membuka potensi berlakunya peningkatan kes baharu.

"Pada masa sama, (perlu ada) satu mekanisme untuk membangkitkan kesedaran masyarakat untuk terus patuhi SOP kerana kita perlu bantu kumpulan barisan hadapan yang kini berada dalam keadaan yang cukup getir," katanya kepada *BH*.



*Dr Malina Osman*

Dr Malina berkata, KKM sudah menyediakan prosedur untuk membenarkan pesakit menjalani rawatan di rumah dengan mereka yang dikenakan pemantauan di rumah juga masih boleh menghubungi kakitangan kesihatan bagi mendapatkan nasihat.

"Pandangan saya, mereka yang terbabit perlu memberikan kerjasama untuk mengelakkan penularan menjadi lebih buruk.

"KKM sudah sediakan pelan tindakan andai keadaan tidak dijangka. Yang penting masyarakat perlu berperanan untuk mengelakkan jangkitan," katanya.

Ditanya jika lebih banyak hospital kementerian atau kemudahan lain diwartakan sebagai pusat rawatan untuk pesakit COVID-19, Dr Malina berkata, kemampuan atau kapasiti sistem dan anggota kementerian itu ada nilai ambang dan apabila tiba masa tertentu dengan jumlah pesakit terlalu ramai, mereka yang perlukan rawatan saja perlu didahulukan.

Selain itu, beliau berkata, cadangan satu sistem pemantauan membabitkan pihak keselamatan melakukan rondaan ke rumah pesakit sukar dilaksanakan ketika ini kerana jumlah pesakit yang ramai.

"Bagi tujuan pemantauan, mungkin aplikasi sedia ada, MySejahtera boleh digunakan untuk memastikan kepatuhan semasa dalam tempoh survelan di rumah," katanya.

Kelmarin, ketika menjawab soalan pemberita, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kes aktif yang dicatatkan di Malaysia sudah menghampiri kapasiti di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital yang diwartakan bagi merawat pesakit COVID-19.

Beliau dilaporkan berkata, ketika ini kes aktif sudah mencecah 22,089, manakala kapasiti untuk rawatan pesakit adalah sebanyak 23,000.

Dr Noor Hisham berkata, ketika ini KKM sedang melihat kriteria sama ada kes tahap satu dan dua boleh menjalani kuarantin di rumah.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : COVID-19

# Ada 55 lokasi penyimpanan vaksin

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sudah mengenal pasti 55 lokasi di kawasan bandar untuk penyimpanan vaksin Pfizer-BioNTech yang dijangka tiba pada bulan depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, sebanyak 55 penyejuk beku suhu rendah dibeli bagi tujuan penyimpanan vaksin berkenaan yang memerlukan suhu sejuk melampau.

"(Vaksin) Pfizer akan disimpan di kawasan bandar kerana ia perlu disimpan dalam suhu yang sejuk melampau manakala AstroZeneca adalah bagi kawasan luar bandar kerana ia boleh menggunakan penyejuk beku biasa.

"Kita sudah meluluskan pembelian penyejuk beku suhu rendah, peti sejuk dan bekalan perubatan berkaitan bagi rangkaian sejuk dan sejuk melampau berharga RM16.6 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, harga bagi satu penyejuk beku suhu rendah adalah antara RM70,000 hingga RM80,000.

Beliau turut memberi jaminan bahawa Malaysia tidak lewat dalam memberikan vaksin Covid-19 kepada rakyatnya kerana negara seperti Australia dan Korea Selatan masing-masing hanya akan menerima vaksin berkenaan pada Mac depan dan suku ketiga tahun ini.

# Selangor tertinggi

## *Malaysia catat 2,027 kes baharu, lapan kematian semalam*

**Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor**
hafidzul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kes jangkitan baharu Covid-19 di negara ini semalam mencatatkan 2,027 kes baharu dan lapan kematian baharu direkodkan.



ORANG ramai mula mengunjungi pusat pelancongan di Georgetown, Pulau Pinang selepas pengumuman kebenaran merentas daerah dan negeri antara kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 7 Disember lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 122,845 kes dengan kebolehjangkitan pula 22,887 kes.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Covid-19 sebanyak 1,221 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih 94,449 kes.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat 16 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula 2,011 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 509 kes (25.1 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 338 kes (66.4 peratus) adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak 428 kes (21.1 peratus) dan Sabah sebanyak 383 kes (18.9 peratus).

"Sebanyak 111 kes (5.5 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (64 kes), Kluster Tembok Gajah (43 kes), Kluster Tembok Choh (2 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (2 kes)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau turut memaklumkan bahawa terdapat pertambahan lapan kematian semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 509 kes atau 0.41 peratus.

"Sehingga kini, terdapat 122 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana 53 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"KKM turut mengesan 11 kluster baharu hari ini iaitu Kluster Jalan Playar, Kluster Sei Suria, Kluster Tapak Bina Bukit Semenyih, Kluster Bukit Angkat, Kluster Parit Jamil, Kluster Tombovo, Kluster Tapak Bina Jalan Desa, Kluster Jalan Raja, Kluster Langit Selatan, Kluster Bah Sayap dan Kluster Mengkuang," katanya.

# Tiada rancangan sekat pergerakan rentas negeri, daerah

**Kuala Lumpur:** Kerajaan masih belum memutuskan untuk menyekat kembali pergerakan rentas daerah dan negeri ekoran peningkatan kes dan kluster baharu Covid-19.

*Rakyat juga boleh secara sukarela menjalani ujian swab sekiranya mereka mahu keluar dari zon merah untuk memastikan bebas Covid-19"*

**Ismail Sabri Yaakob**

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengkaji dan membuat penilaian risiko mengenai perkara itu.

Menurutnya, walaupun rentas negeri dan daerah masih dibenarkan, kerajaan sentiasa mengingatkan rakyat agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang Covid-19.

"Rakyat juga boleh secara sukarela menjalani ujian swab sekiranya mereka mahu keluar dari zon merah untuk memastikan bebas Covid-19.

"Begitu juga mereka yang mahu pulang ke zon hijau boleh menjalani ujian swab sebelum pulang," katanya pada sidang media harian Covid-19, di sini, semalam.

Sejak beberapa minggu lalu, kes positif Covid-19 masih merekodkan empat angka.

Malah, jumlah kes aktif Covid-19 di Malaysia sudah menghampiri kapasiti di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital yang diwartakan untuk merawat pesakit pandemik itu.

Semalam, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, ketika ini kes aktif mencecah 22,089 manakala kapasiti untuk rawatan pesakit adalah 23,000.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Kabinet masih belum membincangkan untuk mengadakan sidang khas Parlimen susulan peningkatan Covid-19.

Katanya, setakat ini Menteri Undang-Undang masih belum membawa perkara itu untuk dibincangkan kepada Kabinet.

"Setakat ini tiada lagi dibentangkan dan jika ada perkara itu akan diminta untuk dimasukkan agenda dalam persidangan Parlimen.

"Walaupun tiada sidang khas Parlimen, saya percaya strategi kesihatan KKM dan bukan kesihatan akan tetap dilaksanakan untuk mengekang Covid-19," katanya.

# Dedah harga pembelian vaksin pada PAC

**Kuala Lumpur:** Harga vaksin Pfizer-BioNtech dan AstraZeneca didedahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam prosiding hampir tiga jam, semalam.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata, beliau dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) memaklumkan perkara itu dalam prosiding rasmi PAC mengenai perolehan vaksin dan penggunaannya terhadap rakyat.

"Disebabkan tidak dapat mengumumkan harga secara teliti bagi setiap pembelian walaupun kita sudah umum harga keseluruhan, tetapi saya membuat keputusan, dalam prosiding PAC, saya sudah mendedahkan harga pembelian secara terperinci.

"Saya juga mendedahkan dokumen kontrak antara syarikat Pfizer dan AstraZeneca bersama dengan kerajaan Malaysia kepada PAC," katanya pada sidang media di Parlimen di sini, semalam.

**Harga bagi AstraZeneca tidak termasuk harga penghantaran**

Khairy berkata, harga bagi Pfizer adalah termasuk penghantarannya ke pelbagai kawasan untuk vaksinisasi manakala bagi AstraZeneca tidak termasuk harga penghantaran.

Katanya, walaupun tidak dipanggil PAC, pihaknya mahu memastikan prinsip ketelusan dipenuhi dan sejauh mana maklumat yang boleh didedahkan dalam perjanjian antara kerajaan dan syarikat pembekal vaksin itu.

"Prosiding rasmi akan dilaporkan melalui laporan rasmi. Saya percaya Pengerusi PAC, Wong Kah Woh akan memaklumkan kepada media apabila laporan itu siap kelak," katanya.

Ditanya sama ada keterangan diberikan kepada PAC itu melanggar syarat kerahsiaan atau perjanjian ketakdedahan (NDA) dengan syarikat pembekal, Khairy berkata, PAC adalah sebahagian daripada kerajaan dan pihaknya menganggap maklumat itu dikongsi dengan pegawai awam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : COVID-19

# 2,027 kes, 11 kluster baharu direkod

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Negara merekodkan 11 lagi kluster baharu semalam dengan tujuh daripadanya kluster tempat kerja yang antara lain penyumbang kepada kes harian yang mencatatkan sebanyak 2,027 kes.

Pertambahan kluster baharu itu antara 53 kluster yang melaporkan pertambahan kes semalam dengan peningkatan angka baharu tertinggi membabitkan Kluster Jalan Perindustrian (200 kes), Kluster Tapak Bina Jalan Desa (116 kes) dan Kluster Beringin (65 kes).

Daripada jumlah kes baharu semalam, Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 509 kes dengan 338 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti Johor sebanyak 428 kes dan Sabah sebanyak 383 kes.

Kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara pula merekodkan sebanyak 111 kes iaitu Kluster Penjara Jalan Harapan (64 kes), Kluster Tembok Gajah (43 kes) serta Kluster Tembok Choh dan Kluster Penjara Kepayan (masing-masing dua kes).

Terdapat lapan lagi kes kematian Covid-19 di Perak, Sabah dan Selangor membabitkan lima lelaki dan tiga wanita berusia antara 52 hingga 78 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, satu daripada 11 kluster tersebut ialah Kluster Jalan Playar yang juga kluster tempat kerja di Petaling, Selangor membabitkan 68 kes positif melalui saringan bersasar di sebuah kilang.

"Seterusnya, Kluster Sri Suria juga kluster tempat kerja di Petaling melibatkan 16 kes daripada saringan bersasar di sebuah kilang serta Kluster Tapak Bina Bukit Semenyih di Hulu Langat dengan 17 kes dikesan melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan.

"Kluster Bukit Angkat pula turut dilaporkan di Hulu Langat dengan 25 kes daripada saringan bersasar di sebuah syarikat," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, kluster tempat kerja iaitu Kluster Parit Jamil dikenal pasti di Muar, Johor dengan kes indeks lelaki berusia 33 tahun iaitu saringan bergejala dan sehingga semalam, 62 kes positif dikesan dalam kluster ini.

Katanya, Kluster Tombovo pula melibatkan Putatan, Sabah dengan kes indeks wanita berusia 54 tahun saringan bergejala dan sehingga semalam, sebanyak 18 kes positif dikenal pasti.

"Selain itu, Kluster Tapak Bina Jalan Desa juga kluster tempat kerja di Lembah Pantai, Kuala Lumpur dengan 116 kes dikesan melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan.

"Kluster Jalan Raja pula juga kluster tempat kerja melibatkan Lembah Pantai, Cheras, Titiwangsa dan Kepong di Kuala Lumpur dengan 25 kes dikesan melalui saringan bersasar di sebuah pusat membeli-belah," ujarnya.

Jelasnya, kluster lain iaitu Kluster Langit Selatan dikesan di Kuantan, Pahang dengan kes indeks lelaki berusia 30 tahun saringan bergejala dan sehingga semalam, sembilan kes dikenal pasti.

"Kluster Bah Sayap pula di Miri, Sarawak dengan kes indeks lelaki berusia 30 tahun saringan bergejala dan sebanyak lima kes dikesan dalam kluster ini.

"Terakhir ialah Kluster Mengkuang di Marang dan Kuala Nerus, Terengganu dengan kes indeks lelaki berusia 50 tahun saringan bergejala dan sehingga hari ini (semalam)," ujarnya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes harian semalam, sebanyak 16 kes import mendapat jangkitan dari luar negara manakala sebanyak 2,011 kes adalah penularan tempatan.



PUSAT kuarantin pesakit Covid-19 di Kompleks Sukan Balik Pulau, Pulau Pinang sesak dengan pesakit warga asing.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu<br>Import: 16 Tempatan: 2,011 | 2,027 |
| Pulih | 1,221 |
| Kematian | 8 |
| Masih dirawat | 22,887 |
| Jumlah kes sembuh | 99,449 |
| Jumlah Kematian | 509 |
| Jumlah kes keseluruhan | 122,845 |

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

# Belajar hidup bersama Covid-19




## 2021 tahun yang menentukan kemenangan

Rata-rata semua orang, tak kira miskin apa lagi yang kaya, semakin letih dengan pantang larang Covid-19. Sebab itu kita lihat ramai yang berbondong-bondong ke luar rumah. Sama ada bercuti, balik kampung, ke pusat beli-belah atau ke tempat riadah, kebanyakannya membawa anak-anak dan keluarga. Bukan kecil risikonya.

Ini kenyataan. Semua peringkat umur, sama ada kecil dan besar, muda dan tua telah mula lelah duduk di rumah. Anak-anak yang bersekolah pula mungkin sudah kematu melihat skrin komputer kerana terpaksa belajar menerusi online.

Semua perlukan udara segar di luar rumah walaupun mereka sedar udara itu mungkin bercampur dengan virus Covid-19 yang boleh menjangkiti manusia pada bila-bila masa. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pun mungkin juga sudah penat berulang kali meminta rakyat duduk di rumah.

Sebenarnya, rakyat tak sabar menunggu ketibaan vaksin di Malaysia. Walaupun dikatakan ada sedikit kesangsian terhadap kesan sampingan yang dimomokkan di media sosial, tetapi itulah harapan untuk rakyat benar-benar berasa bebas beraktiviti ke sana ke sini tanpa hambatan SOP (*standard operating procedure*) dan kemungkinan didenda. Cuma rakyat lupa impak kepada kerajaan dari sudut kos dan logistik.

Mengikut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, kerajaan membayar sebanyak RM77.35 untuk setiap dos vaksin. Kerajaan juga telah memesan sebanyak 26.5 juta dos vaksin di mana setiap rakyat akan diberi satu dos bagi setiap seorang. Ini bermakna kerajaan akan membelanjakan sekitar RM2 bilion untuk vaksin Covid-19.

Jika mengikut standard negara Eropah yang menetapkan setiap orang perlu menerima dua dos, bermakna kerajaan terpaksa membelanjakan sekitar RM4 bilion hanya untuk vaksin. Ini baru kos vaksin. Bagaimana pula kos penyimpanannya yang memerlukan peti sejuk dengan suhu antara -25°C hingga -15°C?

Ia bukan hanya satu stor pusat tetapi sekurang-kurangnya melibatkan 14 stor penyimpanan dan mungkin lebih jika mengambil kira keperluan di negeri-negeri yang lebih besar termasuk kawasan pedalaman seperti di Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Ini tidak termasuk kos pelaksanaan untuk petugas. Sekurang-kurangnya Kementerian Kesihatan memerlukan jururawat yang mahir untuk mengendalikannya. Bayangkan berapa banyak logistik dan kos yang diperlukan bagi merangkumi semua rakyat termasuk di luar bandar dan pendalaman.

